

Kejohanan Ragbi UMS La Salle meriah

BA 11.7.2013 v16

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@mediaprima.com.my

► Kota Kinabalu

Kejohanan Terbuka Ragbi Tujuh Sebelah UMS La Salle anjuran Sekolah Menengah (SM) La Salle dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan pelajar tahun dua program Sains Sukan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), berlangsung meriah dengan penyertaan menggalakkan.

Sebanyak 12 pasukan yang dibahagikan kepada empat kumpulan, berentap merebut kejuaraan dalam kejohanan berkenaan.

Kumpulan A menyaksikan saingan antara pasukan KK Sharks RFC, Osca Development dan Kudat Rugby, Kumpulan B (La Salle, Warrior Lions dan UMS Rafflesia), Kumpulan C (Labuan RFC, SM La Salle Esajadi dan Sipitang), manakala Kumpulan D (OSCA, Keningau dan



Pasukan KK Sharks RFC bangga selepas dinobatkan juara kategori Cup.

Warrior Tiger).

Pasukan KK Sharks RFC mengungguli kategori Cup apabila mengalahkan pasukan OSCA dengan mata 19-10, sementara kategori Plate pula menyaksikan SM La Salle Esajadi menewaskan Sipitang dengan mata 24-7.

Bagi kategori Bowl, UMS Rafflesia berjaya menjinakkan Labuan RFC dengan mata 17-12 selepas mengheret saingan ke masa tambahan.

Pengadil mendapat tunjuk ajar

Pada kejohanan itu, pengadil berkesempatan mendapatkan tunjuk ajar daripada pensyarah Sains Sukan UMS, Dr Mohamad Nizam Nazarudin, yang juga instruktur dan penilai prestasi pengadil di bawah Lembaga Ragbi Antarabangsa (IRB).

Pengarah kejohanan itu yang juga penasihat pasukan SM La Salle, Nazri K Hamid, mengakui amat berpuas hati dengan kelancaran penganjuran berkenaan.

"Diharap kejohanan ini akan diteruskan bagi memperkembangkan bakat pemain yang dilihat mempunyai potensi untuk berjaya," katanya.

Sementara itu, Penolong Kanan SM La Salle, Safri Jeffri, pula berkata kerjasama yang terjalin antara sekolah berkenaan dan UMS dalam penganjuran kejohanan berkenaan, wajar diberi pujian.

"Diharap kerjasama ini berpanjangan dalam usaha meningkatkan minat pelajar terhadap sukan ragbi, sekaligus mempromosikannya di Sabah," katanya yang turut menyempurnakan majlis penyampaian hadiah dalam kejohanan itu.